

**MESYUARAT KEEMPAT TAHUN PERTAMA  
DEWAN NEGERI YANG KELIMA BELAS PERAK DARUL RIDZUAN**

**HARI KETIGA  
27 SEPTEMBER 2023 (RABU)**

---

**1. YB ENCIK ONG BOON PIOW (BERCHAM)**

Berkenaan dengan isu-isu pemilikan tanah dalam negeri Perak.

- i. Adakah pihak kerajaan negeri berhasrat untuk menawarkan pembayaran premium pembaharuan geran tanah, secara ansuran untuk tempoh 2 hingga 5 tahun, agar golongan miskin mampu dan larat, bagi menjelaskan premium yang tinggi walaupun telah diberi diskaun?
- ii. Adakah tempoh untuk menunggu proses kelulusan permohonan pemilikan tanah, pembaharuan geran, kebenaran penukaran pemilikan tanah dalam negeri Perak, akan diselaraskan untuk tempoh yang lebih singkat, ditetapkan dan munasabah, agar efisien dipertingkatkan?
- iii. Setelah sistem E-Tanah diperkenalkan, apakah perubahan yang ketara untuk kebaikan kerajaan, rakyat, peniaga dan pelabur?

**2. YB KAPT(B) DATO' MOHD NAJMUDDIN BIN ELIAS (BATU KURAU)**

Ingin mendapat penjelasan dari YAB Menteri Besar Perak tentang permohonan pembinaan jambatan baru di Batu14 Batu Kurau yang sempit dan berbahaya

**3. YB ENCIK ROSLI BIN ABD RAHMAN (PASIR PANJANG)**

- i. Apakah langkah-langkah proaktif yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memberi jaminan bahawa lebih kurang 50,000 peluang pekerjaan yang bakal wujud dalam tempoh 10 tahun melalui Pelan Pembangunan Perak Sejahtera 2030 dapat dipenuhi?
- ii. Apakah inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri untuk mengawal atau mengurangkan kadar migrasi anak-anak Perak ke luar negeri / negara dalam usaha untuk menjayakan Pelan Pembangunan Perak Sejahtera 2030?

**4. YB PUAN KOO HAAI YEN (KERANJI)**

Pelabur Asing

- (a) Sila nyatakan jumlah Pelaburan Asing yang sebenar yang telah melabur di negeri Perak pada tahun 2020, 2021, 2022 dan 2023 dan adakah angka ini berbeza dengan pengumuman yang dibuat oleh Kerajaan Negeri sebelum ini?
- (b) Apakah faktor yang mengakibatkan pelabur asing tidak melabur di Negeri Perak setelah pengumuman dibuat ataupun selepas MOU ditandatangani?

(c) Apakah usaha kerajaan negeri untuk menarik lebih banyak pelabur asing untuk melabur di Negeri Perak?

**5. YB ENCIK TIW TEE SIANG (TRONOH)**

Apakah inisiatif kerajaan negeri Perak terhadap warga emas yang tiada saudara-mara dan memerlukan penjagaan sepenuh masa? Sila nyatakan proses permohonan secara terperinci sekiranya ada?

**6. YB ENCIK GOH SEE HUA (PASIR PINJI)**

Kitar semula

Selain daripada program “No Single Use Plastic” yang sedang lancar dilaksanakan oleh PBT, apakah rancangan seterusnya dalam usaha mempromosikan kitar semula dalam masyarakat setempat demi ke arah kelestarian alam sekitar yang mampan?

**7. YB ENCIK ONG SENG GUAN (POKOK ASSAM)**

Bangunan Rest House Taiping yang merupakan rumah rehat pertama di Tanah Melayu dan bangunan lama JKR di sebelahnya yang terbengkalai berpuluh-puluh tahun telah diumumkan oleh Menteri KPKT akan dibaik pulih dengan segera supaya bangunan warisan ini dapat dihidupkan semula menjelang ulang tahun ke-150 bandar warisan Taiping.

- a) Apakah status terkini dalam usaha untuk membaik pulihnya?
- b) Bagaimana MPT boleh membantu dan memastikannya dapat dibaik pulih dalam masa tersingkat?
- c) Selain dua bangunan tersebut, apakah bangunan atau produk warisan lain yang ada dalam senarai MPT untuk dibaik pulih selepas ini?

**8. YB ENCIK KHALIL BIN YAHAYA (KUBU GAJAH)**

Pembinaan 105 menara telekomunikasi di seluruh negeri Perak akan dijangka siap pada tahun ini di bawah inisiatif Jalinan Digital Negara (JENDELA). Mengikuti perkembangan terkini, berapa peratus struktur menara telekomunikasi yang telah siap dibina dan adakah sudah mencapai tahap kebolegunaan liputan 4G atau 5G dalam negeri Perak?

- a. Apakah tindakan drastik yang boleh mengatasi capaian jalur lebar yang lembab di beberapa kawasan setempat dalam DUN Kubu Gajah?
- b. Masihkah wujud menara telekomunikasi haram yang tidak mematuhi garis panduan dalam DUN Kubu Gajah?

**9. YB ENCIK ISHSAM BIN SHAHRUDDIN (AYER KUNING)**

Masalah melibatkan rumah-rumah usang golongan berpendapatan rendah yang meresahkan di mana peruntukan adun sudah pasti tidak mencukupi untuk membantu secara terus bagi membaik pulih rumah-rumah tersebut.

- i. Apakah inisiatif lain selain daripada program yang ditawarkan oleh Yayasan Perak untuk membaik pulih rumah-rumah tersebut?
- ii. Adakah kerajaan akan menambah peruntukan sedia ada bagi membantu golongan ini untuk membina dan membaik pulih rumah melalui Yayasan Perak dengan proses yang lebih pantas?
- iii. Bolehkah pihak kerajaan memberi peruntukan khas membaik pulih rumah rakyat kepada adun mengikut kesesuaian dan ketetapan maksimum untuk membaik pulih rumah agar lebih ramai rakyat yang susah dapat dibantu melalui peruntukan khas ini?

**10. YB DATO' ABDUL YUNUS BIN JAMAHRI (KUALA KURAU)**

Apakah usaha yang diambil untuk menangani masalah kecurian bekalan air dan elektrik di Daerah Kerian?

**11. YB TUAN SYED LUKMAN HAKIM BIN SYED MOHD ZIN (CHENDEROH)**

Kegiatan para belia dalam aspek sukan di Negeri Perak khususnya di kawasan luar bandar kian merancak. Apakah rancangan pembangunan dari aspek pelaksanaan program dan aspek penyediaan fasiliti oleh pihak Kerajaan Negeri Perak tanpa bergantung harap kepada peruntukan Kerajaan Persekutuan untuk memenuhi keperluan minat kumpulan ini?

**12. YB DR. NAJIHATUSSALEHAH BINTI AHMAD (BOTA)**

Daerah Perak Tengah telah tersenarai sebagai koridor Tvet Malaysia dalam agenda Perak Sejahtera 2023.

- i. Apakah usaha yang sedang dijalankan untuk latihan "reskilling, upskilling dan crosskilling" yang dilaksanakan di daerah Perak Tengah?
- ii. Apakah kursus2 di institusi TVET yang sedia ada berupaya menyediakan modal insan separuh pakar atau pakar khususnya dalam bidang kejuruteraan awam, kejuruteraan mekanikal dan kejuruteraan lain khususnya berkaitan saliran dan pertanian?

**13. YB ENCIK CHEAH POU HIAN (JELAPANG)**

Bersempena dengan Tahun Melawat Perak 2024.

- a) Apakah inisiatif kerajaan dalam membantu Industri Pelancongan menjalankan kempen dan promosi?

**14. YB ENCIK CHOONG SHIN HENG (CHENDERIANG)**

Isu berkenaan binatang ternakan lembu dan kerbau berkeliaran di Kawasan DUN Chenderiang

a) Adakah kerajaan mempunyai hasrat untuk menyelesaikan masalah binatang ternakan berkeliaran memandangkan jumlah kemalangan jalan raya semakin bertambah di Kawasan DUN Chenderiang akibat binatang ternakan berkeliaran di kawasan perumahan Kg Baru Chenderiang, Kg Sungai Lah dan Kg Lubuk Mas? Jika ada, apakah langkah-langkah yang telah diambil dan akan diambil oleh kerajaan di Kawasan DUN Chenderiang untuk mengatasi masalah ini?

**15. YB CIK WONG CHAI YI (SIMPANG PULAI)**

Tanah terbiar dan isu sekuriti makanan

- a. Senaraikan jumlah keluasan tanah terbiar di negeri Perak dan keluasan tanah yang telah dibangunkan bagi tujuan pertanian dan tujuan lain-lain?
- b. Apakah langkah dan berapakah peruntukan kerajaan dibelanjakan untuk membangunkan tanah terbiar untuk tujuan pertanian?
- c. Apakah perancangan zon sekuriti makanan di Daerah Kinta?

**16. YB ENCIK MOHAMAD FAKHRUDIN BIN ABDUL AZIZ (KAMUNTING)**

Pembangunan Institusi Pendidikan Islam.

- a. Berapakah jumlah Sekolah Tahfiz dan Pondok di Negeri Perak yang berdaftar dan tidak berdaftar?
- b. Apakah bantuan yang di berikan kepada institusi ini?
- c. Apakah akan ada penambahan Sekolah Tahfiz?

**17. YB KAPT (B) DATO' MOHD NAJMUDDIN BIN ELIAS (BATU KURAU)**

Mohon penjelasan apa tindakan Pejabat Jurutera JPS tentang kontraktor yang memasang paip air mengorek pasir berhampiran Gunung Kurau tanpa kebenaran?

**18. YB PUAN SALINA BINTI SAMSUDIN (BEHRANG)**

Adakah Kerajaan Negeri ada rancangan untuk mensinergikan laman-laman web ADUN seluruh Perak dengan laman web rasmi Kerajaan Negeri Perak berikutan kecekapan rakyat membuat aduan dan mencari maklumat secara maya?

**19. YB DATO' ZAINOL FADZI BIN PAHARUDIN (SUNGAI MANIK)**

Apakah perancangan dan jaminan kerajaan untuk memastikan isi kandungan Light & Sound 'pemetaan cahaya' di Padang Ipoh yang ditayangkan bukan ulangan dan lapuk?

**20. YB ENCIK JASON NG THIEN YEONG (ASTAKA)**

Dalam Mesyuarat Ketiga, Tahun Pertama Dewan Negeri Yang Kelima Belas, Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan telah pun meluluskan pindaan ke atas Enakmen Perladangan Unggas 2005. Antaranya, hukuman ke atas kesalahan pembiakan lalat di ladang ternakan unggas telah ditingkatkan.

- i. Bilakah pindaan tersebut akan diwartakan dan dikuatkuasakan?
- ii. Daerah Manjung merupakan pengeluar ternakan ayam yang utama dalam negeri Perak tetapi Jabatan Veterinar tidak mempunyai unit penguatkuasaan di daerah tersebut dan masalah gangguan lalat masih serius. Adakah kerajaan negeri bercadang untuk menambah kakitangan kerajaan di Jabatan Veterinar daerah Manjung terutamanya menubuhkan satu unit penguatkuasaan?
- iii. Apakah proses dan anggaran masa yang perlu diambil untuk mengeluarkan tawaran kompaun sekiranya ladang ternakan unggas telah didapati menjadi tempat pembiakan lalat?

**21. YB ENCIK AHMAD BIN MAN (KUALA SEPETANG)**

Mohon YAB Pengerusi Jawatankuasa Agama Islam Kewangan. Keselamatan Tanah Sumber Asli, Perancangan Ekonomi dan GLC menjelaskan apa tindakan kerajaan negeri untuk tanah-tanah yang didirikan rumah setinggan. Adakah pihak kerajaan negeri berhasrat untuk menganugerahkan sebidang tanah kepada pemilik rumah setinggan dan keluarga yang tinggal di kediaman tersebut?

**22. YB ENCIK SALLEHUDDIN BIN ABDULLAH (SELINSING)**

Isu usahawan dan peniaga kecil

- a. Apakah jenis bantuan yang disediakan oleh pihak kerajaan negeri bagi membantu usahawan dan peniaga kecil meningkatkan pendapatan mereka terutama pada masa ekonomi yang sangat sukar pada ketika ini?
- b. Adakah terdapat kursus yang disediakan? Senaraikan nama kursus dan penyertaan?
- c. Bagaimana kerajaan negeri membuka ruang kepada usahawan dan peniaga kecil membawa produk mereka ke tahap yang lebih tinggi?

**23. YB CIK JENNY CHOY TSI JEN (CANNING)**

Kerja-kerja Mangkubumi yang telah lama bertapak di Jalan Sultan Azlan Shah, Tigerlane bagi Projek Papan 1 telah menyebabkan kesesakan trafik yang melampau terutamanya ketika waktu puncak.

- i. Apakah status projek bertapak di Jalan Sultan Azlan Shah, Tigerlane bagi Projek Papan 1?
- ii. Berapakah jumlah kos pembinaan dan bilakah dijangka akan siap?
- iii. Apakah faktor yang menyebabkan projek ini masih belum siap sehingga kini?

**24. YB PUAN THULSI THIVANI A/P MANOGARAN (BUNTONG)**

Pelan Perak Sejahtera 2030 merangkumi 18 program flagship termasuk Program Menyantuni Golongan Rentan dan salah satu agensi peneraju adalah Majlis Bandaraya Ipoh. Minta Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk menerangkan perancangan kerajaan negeri untuk menaiktaraf taman-taman permainan yang sedia ada kepada taman-taman permainan yang bermutu tinggi bagi memelihara kepentingan, kesejahteraan dan kebajikan warga emas di daerah Kinta. Sila terangkan perancangan kerajaan untuk 5 tahun akan datang dari segi kemudahan yang akan disediakan secara spesifik di taman-taman permainan di daerah Kinta?

**25. YB ENCIK NGA KOR MING (KEPAYANG)**

Peruntukan MARRIS

- i) Minta YAB Menteri Besar nyatakan jumlah peruntukan MARRIS yang diperolehi untuk tahun ini dan apakah langkah-langkah pembaikan yang dilakukan oleh kerajaan negeri untuk memastikan peruntukan ini menepati objektif sebenar supaya keadaan jalan raya dalam negeri Perak selamat dan selesa digunakan?

**26. YB TUAN HAJI RAZMAN BIN ZAKARIA (GUNONG SEMANGGOL)**

SEKURITI MAKANAN

- a. Apakah usaha pihak kerajaan bagi meningkatkan hasil pengeluaran padi/hektar sebagai usaha untuk melonjak pendapatan para pesawah seterusnya memastikan pengeluaran beras negara tidak terjejas dan semakin bertambah?
- b. Apakah usaha pihak kerajaan dalam mengatasi gangguan bekalan air di bendang yang memberi kesan secara langsung kepada para pesawah khususnya di Daerah Kerian yang bergantung kepada sumber Kolam Bukit Merah?
- c. Mohon pihak kerajaan dapat menyatakan apakah hasil serta status terkini perancangan kerajaan negeri Perak dalam agenda Sekuriti Makanan melalui platform Mesyuarat Jawatankuasa Sekuriti Makanan Negara Negeri Perak yang perlu bersidang 2 kali setahun?

**27. YB TUAN SYED LUKMAN HAKIM BIN SYED MOHD ZIN (CHENDEROH)**

Pada awal Julai 2023 yang lalu, Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam satu sidang media telah menyatakan bahawa pihak Kerajaan Negeri Perak telah meluluskan penambahan Tanah Rizab Melayu sebanyak 2,409.28 hektar yang menjadikan keseluruhan rizab tersebut meningkat ke 955,587.8 hektar.

- i. Apakah rancangan pihak Kerajaan Negeri Perak untuk menambah lagi 100,000 hektar lebih keluasan bagi menjadikan sasaran 50% Tanah Rizab Melayu dapat dicapai di negeri ini?

ii. Bolehkah senaraikan pecahan terkini keluasan Tanah Rizab Melayu mengikut Daerah dan Mukim?

**28. YB DR. ABDUL AZIZ BIN BARI (TEBING TINGGI)**

Sejauh mana kerajaan negeri telah mendapat manfaat dari program tajaan Kementerian Ekonomi dalam usaha pembasmian kemiskinan rakyat?

**29. YB ENCIK AZIZI BIN MOHAMED RIDZUWAN (LUBOK MERBAU)**

Adakah terdapat perancangan di peringkat kerajaan negeri bagi menaiktaraf beberapa lokasi strategik yang terdapat di DUN Lubok Merbau untuk dijadikan sebagai pusat pelancongan? Antaranya adalah di Lata Bubu Kuala Dal, Ulu Kongsor Campsite, Air Terjun Batu Hampar, dan lain-lain

**30. YB ENCIK MUHAMMAD FAISAL BIN ABDUL RAHMAN (TRONG)**

Pasar besar adalah pusat kegiatan penting bagi penduduk setempat mencari bahan makanan harian. Namun apabila struktur bangunan kian lemah dan usang pasar besar yang bersejarah kian ditinggalkan. Adakah kerajaan Negeri bercadang membaik pulih Pasar Trong sebagaimana projek pemuliharaan Pasar Taiping?. Ramai peniaga sangat berminat untuk berniaga jika pasar ini kembali dipulihara.

**31. YB PUAN WONG MAY ING (PANTAI REMIS)**

Apakah usaha dan rancangan Kerajaan Negeri terhadap laporan Sesi Libat Urus Kajian Separuh Penggal RMK ke-12?

**32. YB PUAN WASANTHEE A/P SINNASAMY (HUTAN MELINTANG)**

Apakah tahap kemajuan pelan Terminal Pengangkutan Awam Bandar Bagan Datuk dan Simpang Empat, Hutan Melintang pada masa sekarang? Lokasi yang dicadangkan haruslah berhampiran pusat-pusat perniagaan, jabatan-jabatan kerajaan serta kemudahan asas supaya kewujudannya memenuhi matlamat

**33. YB ENCIK BERHANUDIN BIN AHMAD (MANONG)**

Perak merupakan sebuah negeri yang luas dan subur. Struktur muka bumi Perak sangat berpotensi untuk berkembang dan maju dalam bidang pertanian, tanaman, ternakan dan perikanan. Sebagaimana Kedah terkenal sebagai jelapang padi apakah fokus utama Perak dalam bidang Pertanian?

a) Berapakah jumlah pengeluaran lembu ternak setiap tahun mengikut daerah?

b) Adakah jumlah pengeluaran tersebut mencukupi untuk menampung keperluan daging di negeri Perak? Jika tidak mencukupi bagaimana kerajaan negeri menampung keperluan tersebut?

**34. YB ENCIK NGA KOR MING (KEPAYANG)**

Reformasi Institusi Dewan undangan negeri

i) Minta YAB Menteri Besar nyatakan apakah langkah-langkah pembaharuan yang akan diambil untuk memperbaiki institusi dewan undangan negeri Perak supaya menjadi sebuah institusi yang disanjung oleh rakyat

**35. YB DR. HASHIM BIN BUJANG (BUKIT CHANDAN)**

Persisiran Sayong, Kuala Kangsar

Persisiran Sayong merupakan satu produk yang telah dibangunkan sejak 2006 dan dengan kos dibelanjakan jutaan ringgit Malaysia. Walaubagaimanapun pembangunan dan operasi didapati tidak berlaku seperti yang dirancang. Dimaklumkan tujuan pembangunan asal bertujuan menjadikan Persisiran Sayong sebuah pusat mempromosi produk-produk tempatan yang terdiri daripada labu sayong, Seni Tekat, makanan, dan juga aktiviti boating iaitu menyusuri Sungai Perak. Sehingga kini komponen pembangunan yang telah siap pada suatu ketika telah beroperasi dengan baik, tetapi telah terhenti akibat pertukaran pemilikan. Tinjauan ditapak juga mendapati sebahagian bangunan telah rosak teruk dan terbiar sehingga dikhuatiri menjadi tempat yang tidak sepatutnya dan seolah-olah tidak pernah diambil peduli. Hanya sebahagian bangunan sahaja telah diubah suai kegunaan menjadi Resort Sayong. Manakala bangunan Restoran, Dewan Mesyuarat dan sebuah Jeti telah terbiar tidak digunakan. Sehubungan dengan itu ingin mengetahui apakah perancangan pihak kerajaan bagi memastikan projek ini dapat diselamatkan semula serta dimanfaatkan bagi melonjakkan pelancongan Bandar Kuala Kangsar?. Bangunan-bangunan yang terdapat di Persisiran Sayong juga perlu diisi dengan aktiviti-aktiviti seperti yang telah dirancang bagi mengelakkan projek ini seolah satu pembaziran yang menjadi cerminan kelemahan pentadbiran pihak yang terlibat.

**36. YB ENCIK BERHANUDIN BIN AHMAD (MANONG)**

Tahun 2024 telah diumumkan sebagai Tahun Melawat Perak. Apakah usaha-usaha yang telah dan yang akan dilakukan oleh kerajaan negeri untuk memperkenalkan dan mempromosi produk-produk pelancongan yang ada di setiap daerah di negeri Perak?

- a) Adakah setiap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) diberi peruntukan khusus untuk memajukan produk pelancongan yang berpotensi menarik pelancong di daerah berkenaan?
- b) Adakah persatuan dan NGO yang berkaitan industri pelancongan dilibatkan sama dalam menjayakan Tahun Melawat Perak 2024?



**37. YB DR. ABDUL AZIZ BIN BARI (TEBING TINGGI)**

Apakah status penanaman semula pokok-pokok di Kledang yang telah di teroka?

**38. YB ENCIK MOHAMAD FAKHRUDIN BIN ABDUL AZIZ (KAMUNTING)**

Menaiktaraf Perparitan di Kg Sungai Relong , Kg Bt 5. Sungai Relong , Kg Baru Kamunting dan Kg Sungai Ranting.

(a) Apakah Kerajaan Negeri bercadang menaiktaraf parit di kampung-kampung berkenaan untuk tahun 2023 dan 2024?

(b) Berapakah kos yang diperlukan?